

05 NOV 2002

Inggeris-peruntukan

PERUNTUKAN RM5,000-RM15,000 KEPADA SETIAP SEKOLAH LAKSANA AJAR B.I.

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Peruntukan antara RM5,000 dan RM15,000 akan diagihkan kepada setiap sekolah sebagai persediaan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Ia diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad ketika menyampaikan taklimat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran itu kepada 268 wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah seluruh negara di sini hari ini.

Presiden Majlis Permuafakatan PIBG Nasional, Prof Madya Mohamad Ali Hasan berkata, jumlah peruntukan yang diberi termasuk kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, bergantung kepada saiz sekolah.

"Peruntukan itu adalah untuk semua sekolah," katanya ketika ditemui selepas mengikuti taklimat tertutup dua jam itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 pada 20 Sept lepas mengumumkan peruntukan hampir RM5 bilion bagi tempoh 2002 hingga 2008 untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris.

Mohamad Ali meminta semua ibu bapa tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak yang menentang hasrat kerajaan yang mahu melihat pelajar meningkatkan penguasaan ilmu masing-masing.

"Kita perlu faham situasi sebenar, jangan mengikut emosi atau aliran tertentu yang mungkin tidak memahami tujuan dan matlamat sebenar perubahan ini," katanya.

Beliau meminta ibu bapa supaya tidak curiga kerana program itu merupakan pendekatan untuk membangunkan negara dan bangsa ke arah yang lebih baik.

Mohamad Ali berharap PIBG dapat membantu dengan menyediakan kemudahan seperti komputer laptop kepada sekolah yang kekurangan kelengkapan asas.

-- BERNAMA

RZS AHH MAI